



**MAKLUMAT TERKINI**  
**PELAKSANAAN PENGAJARAN & PEMBELAJARAN**  
**DALAM TEMPOH PKP & PASCA PKP**

Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) memaklumkan bahawa aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara bersemuka sepanjang PKP dan pasca PKP adalah **tidak dibenarkan** [Surat JPT bertarikh: 27 April 2020 - JPT (A) 1000/001/019/01 Jld.20 (75) & 3 Mei 2020 - JPT (G) 1000/016/04 Jld.27 (23)]. Oleh itu, warga UniSZA tertakluk kepada perkara berikut:

1. Sesi pengajian sepanjang baki Semester 2 Sesi 2019/20 yang bersambung pada 31 Mei 2020 dan Semester Pendek bermula 9 Ogos 2020 mestilah dilakukan secara *online* dan *remote learning*.
2. Para pelajar hendaklah melaksanakan kesemua aktiviti PdP dari rumah kediaman masing-masing sepanjang tempoh tersebut dan tidak dibenarkan pulang ke kampus UniSZA sehingga diberitahu kelak.

Notis susulan berkaitan perkara di atas akan dikeluarkan oleh pihak UniSZA dengan tertakluk kepada situasi dan arahan dari pihak berwajib.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“Ilmu dan Akhlak”**

Yang benar,

**PROF. DATO' DR. HASSAN BASRI BIN AWANG MAT DAHAN**  
 Naib Canselor  
 05 Mei 2020 (Selasa)